

Rabu, 25 March 2020 | 10:52am



Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi (kanan). - Foto BERNAMA

## Pembekalan makanan, e-dagang akan terus beroperasi sepanjang PKP

Oleh Zanariah Abd Mutualib  
[zanariah\\_mutalib@bh.com.my](mailto:zanariah_mutalib@bh.com.my)

KUALA LUMPUR: Aktiviti pembekalan makanan dan e-dagang merangkumi pengeluaran bahan makanan, peruncitan, pembungkusan, pengedaran, pemborongan, pusat pengedaran dan pengeluar bahan mentah dibenarkan untuk terus beroperasi mengikut garis panduan yang ditetapkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Perkhidmatan logistik dan pengangkutan yang menyokong rantaian bekalan dan pemasaran serta e-dagang bagi pembekalan bahan makanan serta keperluan juga akan terus dibenarkan beroperasi.

Justeru, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi menasihatkan rakyat supaya tidak bimbang kerana bekalan itu dijamin mencukupi.

"Rakyat Malaysia tidak perlu membuat pembelian panik atau berlebihan sebaliknya mengamalkan ciri-ciri pengguna bestari serta melaksanakan pembelian terancang," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Alexander berkata, syarikat yang menyokong rantaian bekalan makanan dan ditakrifkan sebagai industri hiliran/sokongan juga dibenarkan untuk beroperasi dengan jumlah pekerja pada tahap minima dan mematuhi langkah pengawalan COVID-19 seperti yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia.

"Kebenaran beroperasi adalah selaras dengan takrif sektor yang kritikal seperti yang diumumkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali. Ini adalah tanggungjawab kerajaan untuk memastikan rangkaian pengedaran peruncitan tidak terjejas sekali gus memberi keyakinan kepada rakyat Malaysia," katanya.

Beliau turut mengingatkan pihak industri supaya melaksanakan langkah pencegahan COVID-19 semasa aktiviti urusniaga berjalan.

Antaranya memastikan hanya pekerja bebas gejala dibenarkan memasuki premis pekerjaan, mengamalkan penjarakkan sosial, mencuci tangan dengan kerap dan amalan lain yang digariskan KKM serta pihak berkuasa lain.

"Syarikat yang dibenarkan beroperasi turut diarahkan untuk beroperasi pada kadar paling minimum atau menutup perkhidmatan tidak penting (non-essential). Adalah menjadi tanggungjawab setiap syarikat yang diberi kebenaran mematuhi arahan dan mengambil tindakan sewajarnya.

"Majikan juga perlu menyediakan surat pengesahan kepada setiap pekerja untuk rujukan dan ditunjukkan kepada anggota penguatkuasa apabila diminta," katanya.

Katanya, untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak pemain industri dan orang ramai boleh menghubungi Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP) di talian hotline 03- 8882 5881/ 5905 atau emelkan kepada spip@kpdnhep.gov.my.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/668980/pembekalan-makanan-e-dagang-akan-terus-beroperasi-sepanjang-pkp>